

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1987/88
HKA 101 - Pengantar Kesusasteraan

Tarikh: 4 April 1988

Masa: 2.15 ptg - 5.15 ptg
(3 Jam)

Jawab **EMPAT(4)** soalan. **DUA(2)** soalan daripada Bahagian A dan **DUA(2)** soalan daripada Bahagian B. Asingkan jawaban anda untuk tiap-tiap bahagian.

BAHAGIAN A - Kesusasteraan Klasik

1. SAMA ADA

- (a) Berdasarkan isi dan fungsi, mantera-mantera Melayu dapat diklasifikasikan kepada empat bahagian penting. Huraikan isi dan fungsi setiap bahagian sehingga memperlihatkan penggunaannya yang menyeluruh di dalam masyarakat.

ATAU

- (b) Bincangkan bentuk dalaman atau struktur yang membina sesebuah mantera dan nyatakan nilai-nilai keindahan yang terdapat di dalam mantera-mantera Melayu.

2. Wira dan wirawati merupakan watak-watak penting di dalam cerita-cerita Penglipur lara. Tunjukkan kepentingan mereka berhubung dengan perkembangan cerita berdasarkan **Hikayat Malim Deman**.

3. **Sulalatus Salatin** (edisi A. Samad Ahmad) boleh dijadikan sebagai satu dokumentasi budaya Melayu. Berikan pendapat anda berdasarkan alasan-alasan yang sesuai.

4. Bincangkan peranan watak Sang Kancil di dalam **Hikayat Sang Kancil** dan watak Si Luncai di dalam cerita 'Si Luncai' sebagai watak-watak penyindir di dalam masyarakat Melayu lama.

BAHAGIAN B - Kesusastraan Moden

5. Jelaskan apakah yang anda fahamkan sebagai bahasa-bahasa puisi. Dengan merujuk kepada mana-mana puisi, perkatakan peranan bahasa di dalam menyampaikan maklumat puisi berkenaan. Berjaya atau tidak penyampaiannya? Berikan pendapat anda.
6. Pada hemat anda mengapakah di dalam proses persembahan teater klasik Greek, sesuatu tragedi akan diselang-selikan dengan komidi. Bezakan kaedah penyusunan yang telah dilakukan oleh Brockett dan Wilson. Mengapakah terdapatnya perbezaan ini. Jawaban anda mesti merujuk kepada sejarah perkembangan teater klasik berkenaan.
7. Gunakan mana-mana ilmu kritikan yang telah anda pelajari untuk menilai novel yang telah diwajibkan untuk anda. Berikan alasan-alasan anda mengapakah pendekatan berkenaan anda pilih, walhal ada lagi lain-lain pendekatan yang dapat digunakan.
8. Perincikan ciri-ciri sebuah cerpen yang baik dan berjaya. Dengan menggunakan salah sebuah cerpen yang anda mahir, persoalkan tentang teknik persembahan cerita dan mesej yang hendak disampaikan. Di manakah terletaknya kekuatan dan kelemahan cerpen berkenaan?

-ooo000ooo-